

18 JUL 2003

AL-QURAN SALINAN TANGAN HADIAH UNTUK PEMIMPIN OIC

SHAH ALAM, 18 Julai (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin negara Islam yang akan menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di negara ini Oktober ini akan dihadiahkan Al-Quran salinan tangan bermutu tinggi buatan anak tempatan.

Pengerusi Yayasan Restu Datuk Abdul Latiff Mirasa berkata yayasan itu akan menyediakan 1,000 naskhah Al-Quran untuk persidangan itu.

Bercakap kepada pemberita selepas perasmian Al-Quran Mushaf Malaysia Taba'ah' Ain At-Taqwa (cetakan koleksi) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kompleks Taman Seni Islam-Nasyrul Quran di sini hari ini, beliau berkata Al-Quran itu akan menampilkan kemasan emas, kertas bermutu tinggi dan kaya dengan seni tampak hiasan Islam tempatan.

Malaysia akan menyandang jawatan pengerusi OIC, yang dianggotai oleh 56 negara Islam, pada Sidang Kemuncak pertubuhan itu yang akan berlangsung di Putrajaya

Yasayan Restu ialah sebuah organisasi yang menggunakan pendekatan berdakwah melalui seni Islam.

Ia telah menghasilkan pelbagai penerbitan dan manuskrip antaranya Juz 'Amma Ma'aarij Tilawah Al-Quran, Al-Quran Mushaf Malaysia Taba'ah Ma'aarij Al-Jamal Cetakan Awam, Al-Quran Mushaf Bibi (wakaf untuk kegunaan umat Islam) dan Al-Quran Mushaf Nur Fatimah (mushaf salinan tangan oleh muslimat).

Yayasan Restu juga sedang dalam proses menyediakan manuskrip Al-Quran Mushaf Pulau Pinang.

--BERNAMA

LES MAI